

# Pas nak bertindak pada Bakar...

ALUR SETAR, Jumaat — Pas Kedah akan mengambil tindakan tegas ke atas Ahli Parlimen kawasan Kota Setar, Datuk Haji Abu Bakar Umar, jika beliau meneruskan rancangannya untuk duduk bersama wakil Hamim di Dewan Rakyat pada 25 Julai ini.

Setiausaha Pas Kedah, Encik Halim Arshad berkata hari ini, langkah Datuk Abu Bakar itu dianggap "sudah melampaui batas".

"Pas tidak akan mendiamkan diri sekiranya Ahli Parlimen itu berbuat demikian," ujarinya ketika mengulas laporan bahawa Datuk Haji Abu Bakar akan mengubah kerusi di Dewan Rakyat untuk duduk bersama-sama wakil Hamim.

Encik Halim berkata, jika Datuk Haji Abu Bakar berbuat demikian, jelaslah pendirian Ahli Parlimen

itu terhadap Pas.

"Jika ini berlaku, Pas tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atasnya kerana langkah itu mencemarnya nama baik Pas," tegasnya.

Bellau kesal kerana sikap Datuk Haji Abu Bakar yang mengkritik Pas sejak kebelakangan ini tetapi masih ada dalam parti.

Katanya, sebagai ahli politik yang berpengalaman, Datuk Haji Abu Bakar seharusnya memahami peraturan parti dan tidak bertindak bertentangan dengan partinya.

"Ahli-ahli Pas dapat mengukur sejauh mana sikap dan tindak-tanduk Datuk Haji Abu Bakar terhadap Pas," tambahnya.

Mengenai kemungkinan Datuk Haji Abu Bakar menyertai Hamim, Encik Halim berkata, terpulang kepada wakil rakyat itu membuat keputusannya sendiri tetapi ahli-ahli Pas berharap beliau dapat menunjukkan sikap yang ikhlas terhadap perjuangan Pas.

Bellau juga menegaskan, Pas tidak bimbang sekiranya orang-orang seperti Datuk Sudin Wahab dan Datuk Haji Abu Bakar menyertai Hamim.

"Pas akan tetap kukuh dan berpengaruh sebagai parti yang mendapat sokongan rakyat," tegas Encik Halim.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia